

17 DEC 2002

Musa-Sekolah

PENYERAPAN SAR UNTUK PERKASA SEKOLAH KEBANGSAAN DAN KEUPAYAAN MURID

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed berkata cadangan menyerap sekolah agama rakyat (SAR) ke sekolah kebangsaan bertujuan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan keupayaan kanak-kanak bagi menghadapi masa depan yang mencabar.

Beliau berkata setiap pihak perlu melihat secara positif langkah berkenaan dan tidak mengambil kesempatan untuk mempolitikkannya, serta berasa khuatir dengan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan.

"Jika dilihat daripada segi positif, tiada apa yang hendak dikhuatirkan kerana kita hendak memperkasakan keupayaan anak-anak kita untuk tempoh masa yang mencabar, dan ia sepatutnya tidak jadi isu politik tetapi kerana kita mengamalkan politik demokrasi, ada orang yang menanggung di air keruh.

"Jadi terpaksa kita beri penerangan kepada orang ramai mengenai niat, hasrat dan matlamat kerajaan...ke mana kita hendak bawa mereka itu, amat penting," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka hari raya di kediaman beliau di Jalan Eaton di sini hari ini.

Musa berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai persediaan dan persiapan Kementerian Pendidikan bagi menghadapi sesi persekolahan baru 2003, termasuk kedudukan sekolah agama rakyat.

Beliau berkata satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengkaji keseluruhan sistem persekolahan sedia ada, telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 12 Dis lepas dengan memberi tumpuan terhadap isu sekolah agama rakyat.

Musa berkata jawatankuasa itu masih berbincang dan belum membuat apa-apa keputusan mengenainya.

"Kita sedang berbincang dan saya rasa kita perlu mendalami segala aspek hal ini (mengenai SAR) dan untuk melambangkan betapa pentingnya usaha yang sedang dijalankan ini, Perdana Menteri sendiri mempengerusikan jawatankuasa ini.

"Dan ia perlu perbincangan semua pihak, bukan setakat kementerian tetapi juga Jabatan Hal Ehwal Agama negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, kerajaan-kerajaan negeri dan orang ramai kerana perkara ini lebih besar daripada apa yang kita jangkakan," katanya.

Sambil menyebut bahawa isu SAR itu tertumpu kepada peringkat menengah, beliau berkata kerajaan tidak akan membuat keputusan secara tergesa-gesa.

Berbeza dengan sekolah agama peringkat rendah yang membabitkan 300,000 orang murid termasuk murid sekolah kebangsaan, Musa berkata pendidikan agama SAR menengah terkeluar daripada kurikulum sekolah kebangsaan.

Mesyuarat Ke-88 Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 3 Dis lepas memutuskan untuk menyerap kira-kira 126,000 pelajar SAR ke sekolah kebangsaan tidak lama lagi memandangkan SAR yang ada sekarang tidak memiliki kemudahan pendidikan yang baik serta guru berkelayakan.

Ditanya sama ada dengan penyerapan SAR ke dalam sekolah kebangsaan itu akan menghapuskan kewujudan SAR, Musa berkata: "Saya tidak boleh pastikan apa bentuknya di masa depan. Selalunya semasa kita sedang berbincang, saya tidak hendak menelah apa yang akan berlaku, cuma yang boleh dikatakan ialah apakah hasratnya dan apa yang hendak kita capai. Bentuk dan cara pelaksanaan kita akan bincangkan."

Musa yang turut ditanya mengenai jaminan terhadap kedudukan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil tidak akan disentuh, beliau berkata: "Buat masa ini tumpuan jawatankuasa itu ialah terhadap sekolah agama rakyat dan bagaimana hendak memperkasakan sekolah kebangsaan dan tidak ada apa-apa

keputusan mengenai SJKC atau SJKT dalam perbincangan yang telah diadakan tetapi tidak mustahil ia akan disentuh.

"Saya tidak boleh memberi apa-apa jaminan ia tidak akan disentuh langsung."

Mengenai elaun kritikal yang akan diberikan kepada guru mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris, Musa berkata ia adalah sebagai galakan untuk menarik minat mereka yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang itu untuk berkhidmat sebagai guru mata pelajaran berkenaan pada setiap peringkat.

Sambil menjelaskan bahawa elaun kritikal yang diberikan itu bukan sesuatu yang baru kerana ia pernah diberikan kepada guru bidang kejuruteraan yang mengajar di sekolah teknikal dan vokasional, beliau berkata keperluan guru-guru yang kelayakan dalam subjek sains, matematik dan bahasa Inggeris amat mendesak.

Musa menafikan dakwaan bahawa pemberian elaun kritikal berkenaan tidak adil dan akan menyebabkan guru berlumba-lumba untuk mengajar tiga mata pelajaran berkenaan.

"Ia perlu diberi sebagai galakan kepada guru. Cadangan kita untuk membela nasib pelajar dan elemen guru amat penting, itu sebabnya kita cadangkan dan tapi kalau guru rela menolak dan balik kepada sistem lama yang tidak beri sebarang galakan kepada guru, ia tidak menjadi masalah kepada saya," katanya.

Mengenai persiapan sekolah tahun depan, beliau berkata segala persiapan bahan mengajar, buku teks, latihan guru, infrastruktur termasuk kemudahan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah seluruh negara berjalan lancar.

"Laporan yang saya diterima dua tiga hari yang lalu menunjukkan semua sekolah, hampir 95 peratus komputer dan projektor LCD, telah dibekalkan dan dijangkakan dalam minggu ini semua komputer akan dibekalkan kepada semua sekolah manakala bagi sekolah jenis kebangsaan semua komputer dan LCD akan dibekalkan selewatnya-lewatnya pada penghujung bulan ini," katanya.

-- BERNAMA

HS HK MAI